



إدارة التقدم الإسلام ماليزيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**Khutbah Khas Sempena Pertabalan
Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di
Pertuan Agong ke 15**

“DAULAT DIJUNJUNG, KASIH DISANJUNG”

(28 April 2017 / 1 Syaaban 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ﴿وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدْوَةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ
وَجْهَهُ ۗ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن

ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ۗ﴾ سورة الكهف: ٢٨

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT
dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan
meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat
keberkatan di dunia dan di akhirat. Sempena dengan **Pertabalan Ke Bawah
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong** yang
ke 15 pada **24 April 2017**, maka khatib akan membicarakan kutbah yang
bertajuk: **“Daulat Dijunjung, Kasih Disanjung”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sistem pemerintahan beraja sememangnya telah lama diamalkan. Ketika itu, masyarakat Melayu menganggap raja sebagai punca atau kuasa yang menjamin kedamaian, kemakmuran dan kegemilangan masyarakat. Buktinya, di mana ada raja yang berwibawa, maka akan wujud sesebuah negara. Oleh itu, kita dapati istilah ‘kerajaan’ ada hubung kaitnya dengan raja yang menjadi pemerintah bagi negara tersebut. Tanpa seorang raja yang berdaulat dipercayai tiadalah negara, seterusnya manusia akan hidup dalam keadaan berpecah belah dan amat primitif sekali.

Disebabkan keistimewaan ini, apabila seseorang raja itu memeluk Islam secara automatik semua rakyatnya akan menganuti agama raja mereka dan secara rasminya Islam menjadi agama rasmi negara. Jelaslah bahawa konsep kesetiaan kepada raja sebagai *ulil amri* menjadi satu asas yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu selagi ia tidak melangkahi ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah An Nisa, ayat 59:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى

اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan kepada *Ulil-Amri* dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sejak merdeka 1957 dan pembentukan Malaysia pada 1963, institusi pemerintahan beraja di negara ini masih utuh. Raja yang asalnya berkuasa mutlak sebelum era penjajahan telah berevolusi kepada Raja berperlembagaan dan telah pun dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Raja adalah payung kedaulatan negara dan menjalankan tanggungjawab memberi naungan saksama kepada setiap warga tanpa mengira kaum dan agama. Apa yang lebih menarik, Raja berperanan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan, payung penyatuan dan instrumen kesatuan dalam kepelbagaian yang wujud.

Justeru, dalam lafaz sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong terkandung empat perkara yang merangkumi seluruh tanggungjawab besar yang dipikul oleh baginda Tuanku. **Pertama**, mengikut undang-undang dan perlembagaan. **Kedua**, menegakkan kedaulatan undang-undang. **Ketiga**, menjalankan pemerintahan dengan adil; dan **keempat**, memelihara agama Islam.

Dalam konteks ini, menjadi harapan agar baginda Tuanku terus memayungi umat Islam dan memartabatkan agama Islam di negara ini. Dengan itu, pemeraksanaan pelaksanaan dan penguatkuasaan syariat Islam dapat disemarakkan. Firman Allah SWT dalam Surah Al Maaidah, ayat 8:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَيْكُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah kebencian kamu terhadap suatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana ia lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar yakin, berasaskan kredibiliti Yang di-Pertuan Agong, kemakmuran negara dari segi perpaduan kaum, ekonomi, dan kesejahteraan politik dapat dilestarikan. Malahan takhta Yang di-Pertuan Agong akan menjadi titik rujukan untuk masyarakat Islam terus bersatu.

Sesungguhnya kita rakyat Malaysia, amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dikurniakan seorang Ketua Negara, ke Bawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong **Sultan Muhammad Kelima** yang merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat dan sanggup mencemar duli bersama-sama dengan rakyat jelata dalam keadaan susah dan senang.

Bagi menjunjung kasih dan taat setia, marilah sama-sama kita meletakkan kesetiaan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagaimana layaknya ketaatan dan penghormatan yang dibawa oleh *Ahlus Sunnah wal Jamaah* yang merujuk kepada mentaati dalam urusan kebaikan (*ma'ruf*), menghormati dan memuliakan kedudukannya sebagai pemimpin, melaksanakan kebaikan bersamanya, membenci maksiat dan mengingkari keburukan yang dilakukan dengan cara nasihat dan kaedah-kaedah yang syar'ie.

Imam Muslim meriwayatkan daripada 'Ubadah bin Somit Ra yang mafhumnya:

“Daripada 'Ubadah bin Somit RA berkata: Rasulullah SAW memanggil kami, lalu kami berbai'ah kepada baginda. Di antara yang baginda tekankan kepada kami adalah, agar kami selalu mendengar dan taat (kepada pemerintah) dalam keadaan suka atau pun tidak suka, dalam susah atau pun senang, bahkan dalam keadaan pemerintah mengurus kepentingannya melebihi kepentingan kami sekalipun (tetap wajib taat). Dan kami tidak boleh berselisihan dalam suatu perkara yang berada di tangan ahlinya (pemerintah). Sabda baginda SAW: Kecuali jika kamu melihat kekufuran yang jelas dan kamu mempunyai bukti yang nyata dari Allah SWT dalam hal itu.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di kesempatan hari yang penuh barakah ini, mimbar menjunjung kasih dan merafakkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia **Sultan Muhammad Kelima** di atas pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke 15. Sesungguhnya prinsip keadilan, kesaksamaan dan perpaduan yang diterapkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku akan lebih menyatukan rakyat di negara ini. Sebagai timbal balas, rakyat juga mempunyai tanggungjawab yang besar kepada Raja yang adil iaitu memelihara undang-undang yang menjaga keselamatan dan hak kita, menghormati dan menghargai institusi Yang di-Pertuan Agong dan menanam rasa cinta terhadap negara.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin merumuskan bahawa:

Pertama: Kesetiaan kepada raja, pemerintah dan negara adalah berkait rapat dengan ketinggian jati diri rakyat kepada pemimpin secara menyeluruh.

Kedua: Rakyat harus mengetahui hak pemerintah dan meninggikan martabatnya supaya hubungan rakyat-pemerintah berjalan mengikut cara yang mulia dan terhormat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ۝ وَلَا تُطِيعُوا أَمْرَ الْمُسْرِفِينَ

﴿ ۝ الَّذِينَ يَفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿ ۝﴾

Maksudnya: “Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku. Dan janganlah kamu taati perintah orang yang melampaui batas. Iaitu orang yang melakukan kerosakan di bumi dan tidak membuat kebaikan.” (Surah As Syu araa:150-152)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وانتهوا عما نهاكم عنه وحذر. واعلموا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ

اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ اَنْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دفرتوان اکوځ کلیا بلس

سلطان محمد کلیا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا. وَارزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا
جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.